

# 'Tak sangka saya buka kapsul masa ditanam tiga dekad lalu'

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersyukur dan tidak menyangka membuka kapsul masa yang ditanam hampir tiga dekad lalu.

Katanya, ia merupakan hari bersejarah kerana Menara Kuala Lumpur menjadi kapsul masa pertama dibuka setelah hampir 30 tahun lamanya.

"Saya tidak harap langsung untuk buka kapsul masa ini dan melihat pembukaannya kerana saya memikirkan sudah tidak ada. Tetapi saya masih dapat melihat dan berusaha membuka kapsul ini dan membaca isi kandungan kapsul.

"Ini yang membuatkan saya rasa bersyukur yang teramat sangat," katanya menahan sebak pada sidang media selepas membuka kapsul masa di Menara Kuala Lumpur, di sini semalam.

Kapsul Masa Menara itu ditan-

am pada 1 Oktober 1996 bersempena perasmian Menara Kuala Lumpur dan sepatutnya dibuka pada tahun 2020, namun, berikutan pelbagai faktor termasuk pandemik Covid-19, pembukaannya terpaksa ditangguhkan.

Antara barangan dikeluarkan dalam kapsul masa ialah setem bergambar Menara Kuala Lumpur, duit kertas lama RM2, kad pengenalan dan keratan akhbar Menara Kuala Lumpur. Antara barangan menggamit memori beliau adalah sajak tulisannya sempena Ulang Tahun ke-50 Penubuhan UMNO, 4 Mei 1996.

"Hampir 30 tahun dulu saya masukkan segalanya dalam kapsul ini dan zaman itu pun saya sudah berusia 70 tahun, mana nak tahu saya masih ada di waktu ini. Saya bersyukur kerana masih dapat membaca sajak supaya anak Malaysia terus berjuang bangunkan negara," ujarnya.



**TUN Dr Mahathir Mohamad bersama isteri, Dr. Hasmah Mohd. Ali ketika pembukaan pintu kapsul masa di Menara Kuala Lumpur. - UTUSAN/ M. FIRDAUS M. JOHARI**